

20 SEP 2003

Mahathir-Mandat

BN PERLU MANDAT BESAR UNTUK TERUS TADBIR NEGARA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) sebagai sebuah parti politik gabungan yang "tersendiri" di dunia, memerlukan kuasa dan mandat rakyat yang besar untuk membolehkannya terus membangun dan mentadbir negara dengan lebih cemerlang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil meyakinkan rakyat bahawa hanya BN sahaja yang boleh mentadbir Malaysia dengan baik, Perdana Menteri berkata perjuangan BN untuk membangun rakyat dan negara telah digariskan sejak awal penubuhannya dan akan diteruskan oleh para pemimpinnya.

Beliau berkata perjuangan BN yang diasaskan oleh Perdana Menteri pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj telah dilaksanakan oleh perdana menteri berikutnya -- Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan beliau sendiri.

"Pada penghujung Oktober, saya akan melepaskan jawatan dengan senang hati kerana sudah ada pengganti. Tiada rebutan kuasa di kalangan kita.

"Kita adalah kumpulan kerajaan yang mempunyai tanggungjawab bersama dan percaya pada dasar-dasar BN.

"Sebab itu apabila Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil-alih dia berjanji secara terbuka untuk meneruskan perjuangan BN," katanya semasa berucap melancarkan perayaan ulangtahun ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka di sini.

Beliau berkata anggota BN dan rakyat tidak perlu kluatir dengan komitmen Abdullah terhadap perjuangan BN.

"Justeru itu saya minta semua ahli-ahli BN dan penyokong-penyokong BN untuk memberi sokongan yang penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya yang disambut tepukan gemuruh puluhan ribu anggota-anggota parti komponen BN dan penyokongnya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata tiada perubahan dasar akan berlaku, hanya mungkin "stailnya berbeza".

Beliau percaya dengan melaksanakan dasar-dasar yang sama, Malaysia akan terus maju dan menjadi negara contoh.

Beliau berkata dengan berpegang teguh kepada prinsip perjuangan BN, Malaysia akan terus maju walaupun kepimpinannya akan silih berganti sehinggalah ia mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020.

"Inilah wawasan, inilah misi kita dan kita di semua lapisan dari peringkat pimpinan tertinggi sehingga ke peringkat kanak-kanak di sekolah dan tadika, kita akan 'dedicate' diri kita untuk menjadi sebuah negara yang mulia, yang maju dan dihormati dunia," katanya.

Sempena ulangtahun itu, Dr Mahathir mengingatkan seluruh anggota BN agar berikrar untuk terus memajukan negara.

Katanya apabila negara maju, rakyat akan dapat menikmati faedahnya.

Dalam ucapan selama sejam itu, Dr Mahathir turut menyentuh sejarah penubuhan BN bermula daripada era Perikatan sehinggalah ia kini dianggotai 14 parti komponen dari seluruh negara.

Kejayaannya kini menarik perhatian banyak negara yang ingin tahu rahsia perkongsian kuasa BN yang mewakili pelbagai kaum, katanya.

Perdana Menteri berkata keunikan BN ialah menggabungkan banyak parti yang mudah diuruskan dan walaupun ada parti komponennya yang menarik diri, ia masih boleh terus memerintah.

Beliau berkata BN bukan satu gabungan yang terdesak yang dibentuk selepas pilihan raya.

"Di Malaysia, ia bukan 'marriage of convenience' selepas pilihan raya

tetapi ia bermula jauh lebih awal lagi. Sejak 1952, kita telah teruskan kerjasama ini walaupun tidak ada pilihan raya," katanya.

BN, katanya, mengiktiraf parti-parti yang mewakili pelbagai kaum termasuk golongan minoriti dan mereka tidak bersaing sesama sendiri, sebaliknya bertanding dalam pilihan raya di bawah simbol dacing BN.

"Kita gunakan satu simbol sahaja iaitu dacing yang lebih adil daripada parti yang dinamakan Keadilan," katanya.

Perdana Menteri berkata konsep gabungan parti politik BN turut ingin ditiru oleh parti pembangkang, yang menggelarkan diri mereka sebagai barisan alternatif.

"Ia parti tiruan, parti sintetik. Mereka adakan pakatan dengan niat untuk menipu," katanya, sambil menambah bahawa adalah malang bagi rakyat yang memilih untuk menyokong parti itu kerana ia tidak membawa sebarang kemajuan berbanding dengan BN.

Sambil menyatakan bahawa rakyat boleh membandingkan antara negeri yang diperintah parti pembangkang yang masih dibelenggu masalah kemiskinan dan BN yang lebih maju, Dr Mahathir berkata "inilah kesilapan memilih" yang dilakukan rakyat berkenaan.

"Kita tidak menafikan kebolehan agama mereka tetapi mereka tiada pengetahuan mentadbir kerajaan," katanya, dan menambah bahawa keupayaan mereka terhad untuk meminta-minta dan berdoa tetapi tidak melakukan sebarang usaha untuk memajukan diri.

Perdana Menteri turut membidas tindakan parti pembangkang yang hanya pandai membuat janji tetapi tidak dapat menunaikannya.

Sambil memberikan contoh keengganan PAS menjelaskan konsep negara Islam yang ingin dilaksanakannya, beliau berkata ia menunjukkan parti itu tidak ikhlas terhadap rakyat terutamanya bukan Islam dan hanya ingin menipu rakyat.

"Dalam BN, kita ada bukan sahaja orang Islam dan bukan Islam, tetapi apabila kita isytihar Malaysia sebagai negara Islam, mereka (bukan Islam) menyokong kita kerana mereka tahu kita mengamalkan ajaran Islam yang sebenar dan tidak menghalang kebebasan (beragama) mereka," katanya.

Dr Mahathir turut meminta anggota BN mengingat kembali sejarah mereka bagi menentukan hala tuju yang lebih cemerlang.

Katanya perkongsian kuasa, sikap bertimbang rasa dan perundingan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang diamalkan BN dengan mengambilkira kepentingan semua kaum termasuk di Sabah dan Sarawak perlu dipertahankan serta terus diamalkan.

"Kita tubuh kerajaan BN dan beri tempat kepada semua parti, semua kaum dan wilayah. Semua diwakili dalam Kabinet BN.

"Pertimbangan diberikan kepada semua kaum dan wilayah telah dapat wujudkan pemerintahan yang adil," katanya, sambil menekankan bahawa BN tidak segan dalam kempen pilihan rayanya meminta rakyat memberikan kuasa yang besar untuk membolehkannya berbakti kepada rakyat.

-- BERNAMA

HS HS ROS